

Semua pelajar senior
Politeknik Port Dickson

Saudara/i,

MELAPOR DIRI BAGI PELAJAR SENIOR SESI JULAI 2009

Sukacita dimaklumkan bahawa tarikh melapor diri bagi pelajar senior Sesi Julai 2009 adalah seperti berikut :

Tarikh	03 OGOS 2009 (ISNIN)
Masa	JAB. PERDAGANGAN & MEKANIKAL : 08.30 pagi – 10.00 pagi JAB. AWAM & ELEKTRIK : 10.00 pagi – 11.30 pagi
Tempat	DEWAN WAWASAN

2. Pelajar dikehendaki memakai kad pelajar, berpakaian kemas, tidak menjolok mata (pelajar wanita) serta berambut pendek bagi pelajar lelaki. (Rujuk Buku Panduan dan Peraturan Am Politeknik)
3. Kemukakan slip keputusan peperiksaan/slip layak mendaftar (bagi pelajar tamat LI) kepada petugas pendaftaran berserta slip-slip bank sebagai bukti pembayaran (Rujuk bayaran pendaftaran di muka surat sebelah). Kegagalan menjelaskan bayaran pendaftaran akan menyebabkan anda tidak akan didaftarkan.
4. Pendaftaran di luar waktu yang ditetapkan, tidak akan dilayan. Pelajar yang tidak mendaftar tidak dibenarkan mengikuti kuliah, makmal/bengkel atau menggunakan sebarang kemudahan Politeknik dan boleh menyebabkan kelewatan pembayaran biasiswa/pinjaman.
5. Pelajar yang ingin mendapatkan pelekat kenderaan perlu mengisi borang (boleh didapati di Kaunter Pertanyaan semasa pendaftaran/ Pejabat Hal Ehwal Pelajar) dengan menyediakan salinan kad pengenalan, insurans (*cover note*), lesen, geran kenderaan, kebenaran membawa kenderaan oleh ibubapa/penjaga/tuan punya kenderaan dan cukai jalan (sekiranya berkaitan). Borang yang telah lengkap berserta dokumen hendaklah dikemukakan ke Pejabat Hal Ehwal Pelajar pada atau sebelum **28 Ogos 2009**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(WAN MOHD HUJJATULLAH WAN GHAZALI)

Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar

b.p. Pengarah

Politeknik Port Dickson

s.k. Pengarah Politeknik Port Dickson
Timbalan Pengarah Akademik/Timbalan Pengarah Sokongan Akademik
Ketua Jabatan Awam/Elektrik/Mekanikal/Perdagangan/Matematik,Sains&Komputer/Pengajian Am
Peg. Peperiksaan/PLPL/Peg. LI/Peg. Kaunseling/PSK/PMS/PSM/Peg. Perpustakaan
Bendahari Koperasi/PEK/Penolong Akauntan

BAYARAN PENDAFTARAN

BAYARAN YURAN PENGAJIAN

- | | |
|---|-----------------|
| (a) Yuran Pengajian / semester | RM200.00 |
| (b) Sewa Asrama / semester
(<i>sekiranya ditawarkan & bayaran dibuat secara berasingan dari yuran pengajian</i>) | RM 60.00 |

Bayaran-bayaran ini hendaklah *dibank-inkan* ke dalam akaun seperti di bawah menggunakan slip yang dibekalkan oleh Politeknik:

'POLITEKNIK PORT DICKSON'
(No. Akaun : 0510029000418235)

di mana-mana **cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN)**

Peringatan : Bawa salinan slip sebagai bukti pembayaran telah pun dibuat.

BAYARAN PENDAFTARAN (KOPERASI)

- | | |
|--|-----------------|
| (a) Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) | RM 55.00 |
| (b) Kertas Peperiksaan | RM 5.00 |
| (c) Aktiviti kamsis (sekiranya ditawarkan) | RM 25.00 |

Bayaran ini hendaklah *dibank-inkan* ke dalam akaun seperti berikut :

'KOPERASI POLITEKNIK PORT DICKSON BERHAD'
(No. Akaun : 505046118199)

di mana-mana **cawangan Maybank Berhad (MBB)**.

Gunakan slip Simpanan/Deposit yang boleh didapati dari bank.

Peringatan : Bawa salinan slip sebagai bukti pembayaran telah pun dibuat.

Perhatian:

Pelajar yang mendapat tajaan daripada mana-mana agensi kerajaan atau swasta (Contoh: Majlis Agama Islam Negeri, Angkatan Tentera Malaysia dll.) hendaklah membawa bersama surat pengesahan penajaan (Surat Asal) semasa mendaftar. Sila maklum bahawa pihak penaja hanya akan menanggung Yuran Pengajian pelajar sahaja. Oleh itu bayaran lain hendaklah dibiayai sendiri oleh pelajar.